

PEMERINTAHAN BROOKE DAN
PELAJARAN BUMIPUTERA DI SARAWAK

oleh

Sabihah Osman

Jabatan Sejarah

Universiti Kebangsaan Malaysia

Apabila idea Malaysia mula dikemukakan oleh Tengku Abdul Rahman pada 27hb Mei, 1961, reaksi awal yang timbul daripada pemimpin dan penduduk di Sarawak adalah dingin sekali, malah mereka menolak idea itu. Reaksi yang demikian timbul kerana kurangnya pengetahuan tentang politik, pelajaran yang diterima tidak menchukupi untuk memahami hakikat semangat nasionalisma dan politik luar. Faktor ini selaras dengan kenyataan Ongkili, iaitu,

“Ada beberapa faktor mengapa orang-orang Borneo bersikap marah terhadap hal ini dan salah satu daripadanya ialah kerana kurangnya fahaman mereka dari segi politik. Perkembangan dari segi pemikiran politik adalah satu pengalaman yang baharu. Ini adalah hasil daripada kurangnya pengelihatan mereka mengenai kuasa politik Asia Selatan masa itu; hasil dari chorak pemerintahan kolonial yang begitu mendalam; akibat dari kurangnya orang-orang yang mempunyai pengalaman politik dan pentadbiran mereka, maka orang-orang Borneo itu telah didorong untuk memperchayai bahawa apa-apa chadangan oleh orang luar seperti Tengku untuk menyatu-padukan Borneo Utara dibawah satu bendera dipandang dengan rasa shak dan mungkin mempunyai sikap untuk meluaskan jajahan”¹

Apa yang menjadi pokok persoalan disini bukanlah membicarakan sebab-sebab mengapa begitu dingin sambutan yang diterima tetapi ialah soal mengapakah setelah sekian lama negara-negara dikeliling Sarawak seperti Indonesia, Filipina dan Tanah Melayu begitu lantang melaung-kan kemerdekaan dan memperjuangkan semangat nasionalisma, sedangkan di negeri Sarawak keadaan yang seperti itu tidak wujud. Dalam mengkaji soal ini beberapa pendapat telah dikemukakan. Antara lain ialah kadar penduduk yang rendah; penduduk ini pula terdiri daripada beberapa kaum menggunakan bahasa dan loghat yang berbeza serta mempunyai latar belakang kebudayaan yang berlainan. Negeri ini pula

¹ Ongkili, J.P., *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*, Donald Moore, Singapore, 1967, halaman 22.

sukar diteroka kerana keadaan fisiknya yang berhutan rimba dan berpa-
ya tanpa perhubungan yang baik.²

Walau pun faktor2 diatas dapat diterima sebagai sebab2 yang menghalang daripada bertumbuhnya rasa kenegaraan dan semangat nasionalisma dikalangan penduduk2 bumiputera Sarawak tetapi sebab utama yang menghalang pertumbuhan dan perkembangan rasa kenegaraan dan semangat nasionalisma itu adalah berpuncha daripada sikap atau dasar Pemerintahan Penjah Brooke yang autokratik. Keadaan itu dapat ditinjau kembali kezaman Pemerintahan Brooke diantara tahun 1841 hingga 1941. Selama seratus tahun bumiputera Sarawak dilindungi dari anchaman luar dan dilayan dengan penuh rasa perike-manusiaan tetapi mereka selamanya tinggal terbiar dalam keadaan kegelapan dan jahil dalam pengetahuan politik diluar dari kampung mereka. Sikap tidak champur tangan dalam hal ahwal kehidupan tradisional bumiputera³ telah menyebabkan pemerintah mengamalkan dasar Bebas tidak menggalakkan pemberian pelajaran kepada bumiputera.

Faktor ini merupakan faktor penting yang menyebabkan kesedaran politik dan semangat nasionalisma tidak ujud di Sarawak waktu itu. Pemerintahan Brooke, terutamanya Charles Brooke, 1868 – 1917, berpendapat pelajaran tidak perlu diberi kepada bumiputera kerana ini akan merosakkan sistim tradisi dan adat istiadat mereka yang amat kaguminya, walaupun beliau juga tidak menafikan yang pelajaran itu merupakan satu unsur kemajuan:

“Sistim pelajaran kita adalah sebalik apa yang sepatutnya. Kita memberi pelajaran yang tidak perlu diketahui oleh mereka, dan chuba mengajar mereka menjadi seperti kita, menganggap seolah2 mereka tidak mempunyai idea original dalam diri mereka”⁴

Dasar yang seperti ini menyebabkan beliau membiarkan soal pelajaran bumiputera tinggal dalam tangan badan2 persendirian seperti mubalig2 Kristian dan ketua2 tempatan tanpa diberi bantuan yang wajar. Namun bagitu kita tidak menafikan yang beliau ada mendirikan sekolah2 kerajaan untuk murid2 Melayu yang dibuka pada tahun 1883 dan me-

² Jackson, J.C., *Sarawak, a geographical survey of a developing state*, London, 1968, hal. 21-24 dan 30. *The Handbook of Sarawak, comprising Historical statistical and general information concerning the colony obtained from official and other reliable records and compiled by J.H Herpburn*, Kuching, 1949, hal. 70.

³ Pringle, R., *Rajahs and Rebels*, Macmillan, London, 1970, hal. 277.

⁴ Brooke, Charles, *Queries: Past, Present and Future*, London, 1907, hal. 4.

nyokong sekolah2 kepada anak2 bumiputera bukan Melayu, tetapi pendirian sekolah2 ini tidak dilaksanakan sepenuh hati. Malah didapati beliau menyerahkan persekolahan itu terutamanya bagi bumiputera bukan Melayu diselenggarakan oleh pengembang2 agama Kristian dan ketua2 tempatan. Ketiadaan galakan dan bantuan dari pemerintah menyebabkan pendidik2 terganggu menjalankan tugas mereka. Dengan itu didapati sedikit sekali bilangan anak2 bumiputera yang pergi ke sekolah dan hanya di bahagian2 tertentu sahaja pelajaran dapat diperkenalkan. Kepada Charles Brooke:

“Memberi pelajaran kepada bumiputera adalah merupakan satu khidmat besar kepada rakyat. Tetapi ini tidakkah perlu bagi sebarang kaum bumiputera. Persekolahan akan membawa mereka memundurkan kanak2 yang bertamaddun dan akhirnya bersikap benchi kepada ibu bapa dan saudara mara mereka”⁵

Dengan pendapatnya yang demikian Charles Brooke, penggantinya dan pentadbirannya sependapat mengatakan kaum bumiputera akan lebih gembira dan berpuas hati tanpa diberi pelajaran yang merupakan tulisan, pembacaan dan ilmu kira2 awalan. Tetapi pendapat Charles Brooke ini tidak diturut sertai oleh setengah2 ahli pengembang agama Kristian seperti Edwin H. Gomes dan Bishop McDougall. Gomes berpendapat:

“... chara untuk memperbaiki orang2 Dayak bukanlah dengan mendidik sebilangan tertentu daripada mereka untuk mendapatkan mata pencharian hidup ditempat2 lain tetapi mendidik mereka dengan menanamkan idea2 yang betul didalam fikiran mereka dan kemudiannya menghantar mereka balik hidup bersama2 dengan orang2 mereka”⁶

Disini timbul satu pertanyaan sejauh manakah pemerintahan Brooke itu benar2 jujur mahu melindungi bumiputera, dari ancaman luar sehinggakan mereka takut menggalakkan persekolahan dikalangan bumiputera. Apakah kenyataan itu benar atau, ada sebab2 lain disebalik kenyataan tadi. Atau dapatkah dikatakan kenyataan tadi merupakan satu alasan semata2. Kita tahu tidak ada perkembangan pelajaran yang berlaku pada zaman Pemerintahan Brooke. Sekolah2 yang didirikan begitu kurang dan hanya disediakan dibandar2 besar seperti Kuching dan Sibu. Bilangan anak2 yang ke sekolah kurang sekali dan mereka yang sedikit ini pula dipisahkan mengikut kaum masing2. Anak2 Melayu kebanyakannya dihantar ke sekolah Melayu atau ke sekolah2 pondok dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Sekolah Melayu yang per-

⁵ Brooke, C., *Ten Years in Sarawak*, Vol. II, London, 1866, hal. 326.

⁶ Gomes, E., *Seventeen Years Among the Sea Dyaks of Borneo*, London, 1911, hal. 105.

tama telah dibuka oleh kerajaan pada tahun 1883. Sekolah ini dikhususkan untuk anak2 Melayu dan diajar oleh guru2 Melayu. Perkara2 yang diajar hanya merupakan pelajaran awalan diperingkat rendah seperti membaca, menulis dan membuat kira2 yang mudah. Didesa2 sekolah begini tidak ditemui Pelajaran Melayu tertumpu di-sekitar Kuching sahaja. Anak2 Melayu hanya berpeluang belajar dikelas2 yang dibuka oleh orang2 Melayu sendiri dimasjid2 dan surau2. Mereka ini diajar membaca Koran dan serba sedikit pengetahuan agama Islam dan belajar membaca dan menulis dengan tulisan Jawi.⁷ Sementara itu sekolah2 mission pula menampung pelajaran bagi anak2 bumiputera bukan Melayu, terutama sekali anak2 Iban. Walaupun sekolah2 ini menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya, tetapi pada peringkat pelajaran rendah awalan sekolah2 ini menggunakan Bahasa Iban. Kebanyakan sekolah2 ini pula tertumpu dibahagian2 tertentu seperti sekolah Anglican S.P.G. terdapat dibahagian Kedua, Roman Catholic di Bahagian Ketiga dan di Kuching. Namun begitu sekolah2 yang didirikan oleh Mission itu tidak sampai kebahagian pendalaman. Dan pelajaran2 yang diajar merupakan perkara2 "Pada umumnya tiap orang kanak2 yang datang ke sekolah mission diajar perkara pengetahuan ugama Kristian".⁸

Perkara2 diajar menerusi bahasa pengantar Inggeris, buku2 yang digunakan berlatar-belakangkan negeri Inggeris, ditulis oleh orang2 Inggeris dan disampaikan mengikut fikiran Inggeris. Oleh itu dengan tidak sechara langsung melalui sekolah2 mission, sebahagian kecil kaum bumiputera bukan Melayu diperkenalkan dengan pelajaran Barat. Ketidakseimbangan dalam mendapatkan pelajaran ketara dari peringkat awal lagi. Sebagai contoh diantara tahun2 1904 – 1911 Charles Brooke mula membuka sekolah yang berasingan oleh sebab sekolah merupakan inti ugama Kristian dan pengaruhnya begitu kuat maka matlamat Sekolah Mission ialah untuk menegakkan ugama Krisitan (di-Borneo)⁹. Tetapi sayang sekali kebanyakan sekolah2 mission yang baik didirikan di-bandar Kuching dan Sibuh seperti St. Thomas, St. Mary, St. Joseph di Kuching dan sekolah Methodist di Sibuh. Ini menyebabkan sukar bagi bumiputera untuk meneruskan pelajaran mereka kerana 90% daripada mereka tinggal dibahagian pendalaman. Dengan demikian didapati sedikit sekali pengaruh pelajaran Barat meresap masuk ke kampung2 bumiputera, tetapi keadaan adalah sabaleknya. Penga-

⁷ Low, H., *Sarawak, Its inhabitants and Production*, Bentley, London, 1849, hal. 138-139.

⁸ *The Chronicle: a Quaterly Report of the Borneo Mission Association in connection with S.P.G.*, Vol. 20, Nov. 1929, No. 4, hal. 2.

⁹ *The Chronicle*, Vol. 3, Nov. 1912, No. 4, hal. 41.

ruh pelajaran Barat itu terus berkembang dibandar2 Kuching dan Sibuan dimana didapati ramai orang2 China. Pelajaran sekolah2 Mission telah memberi peluang kepada orang2 China untuk terus maju dan membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dengan mudah jika dibandingkan dengan kaum bumiputera. Kepada orang China kepentingan agama Kristian adalah soal yang kedua, soal utama ialah mendapatkan pelajaran Inggeris untuk kepentingan tujuan ekonomi mereka.

Sehingga akhir2 pemerintahan Brooke jurang ekonomi diantara orang China dan kaum bumiputera jelas kelihatan semakin meluas. Dalam banchi pada tahun 1947 jelas menampakkan ketidakseimbangan itu bagi anak2 Melayu dan China. Sekolah pertama Government Lay School menyediakan pelajaran dalam bahasa pengantar Melayu bagi anak2 Melayu dan pelajaran pengantar Mandrin bagi anak2 China.¹⁰ Bagi persekolahan anak2 bumiputera bukan Melayu diserahkan terus kepada pihak Mubalig2 Kristian. Kerajaan tidak mengambil berat langsung tentang pelajaran mereka walaupun terdapat desak2an dari ketua2 tempatan, dan pentadbir Brooke sendiri.

Disini dapat dikatakan bahawa pelajaran di Sarawak masa itu tidak mempunyai sistim dan dasar tertentu. Keadaan yang begini rupa telah menimbulkan bibit2 yang tidak sihat kepada penduduk2 di Sarawak kemudiannya. Wujudnya keadaan yang seperti ini telah menyulitkan lagi bagi penduduk yang terdiri daripada berbagai2 kaum seperti Melayu, Iban, Bedayuh, Kayan, Kenyah, Melanau, China dan lain2nya bersatupadu. Keadaan ini akhirnya telah membawa kepada bertambah sukar lagi rasa kenegaraan, kesedaran nasionalisma dan politik berkembang dikalangan penduduk2 Sarawak. Misalnya pada peringkat permulaan anak2 Sarawak itu telah dipisahkan2 dari segi kaum dan bahasa pengantar yang digunakan. Tanpa bahasa yang satu menyebabkan bertambah luas lagi jurang pemisahan. Untuk mengetahui soal ini dengan lebih mendalam maka kita harus merujuk balik kezaman Pemerintahan Brooke dari semenjak James Brooke menjadi Raja Sarawak pada tahun 1841.

Pada masa menjalankan tugasnya sebagai Raja Sarawak James tidak pernah lupa bahawa negeri Sarawak itu diperolehnya dari tangan pembesar2 Melayu Brunai dan kepada Jameslah terletak segala kepercayaan penduduk2 Sarawak untuk melindungi mereka dan mengamankan negeri mereka. Oleh sebab itu didapati perlindungan yang berlebihan telah diberikan kepada bumiputera. Dasar ini dijaga begitu rapi oleh Pengasas Kolonial Brooke dan dipegang kuat oleh penggantinya2 Charles dan Vyner Brooke. Malah dasar ini merupakan satu wasiat akhir dan penting yang

¹⁰ Pringle, *Rajah and Rebels*, hal. 139.

diberi oleh Charles Brooke pada 16hb. Disember, 1913 kepada anaknya Vyner Brooke. Antara lain kandungan wasiat itu berbunyi:

“ . . . hendaklah sentiasa diingat bahawa pati bagi kesentosaan pemerintahan Sarawak itu bergantung diatas pergaulan yang sempurna diantara pihak bumiputera dan bangsa Eropah dan pihak bumiputera hendaklah sentiasa diberi perwakilan yang sepenuhnya dalam majlis2 meshuarat atau didalam perhimpunan2 am kerana diatas keadaan itulah bergantung kesempurnaan, kesentosaan negeri Sarawak.¹¹

Untuk menjamin ketenteraman dan kedudukan mereka, Pemerintah Brooke mengekalkan sistim pentadbiran tradisional dengan melantik pembesar2 Melayu seperti Datuk Temenggong, Datuk Bandar, Datuk Imam (Ketua hal ahwal ugama Islam) dan Datuk Hakim (Penasihat dan hakim undang2 Islam) menjadi ahli dalam Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri. Untuk bumiputera bukan Melayu, kerajaan Brooke telah mengadakan jawatan setiausaha bagi hal anak negeri Sarawak. Dengan adanya orang2 ini dalam kerajaan, membolehkan Raja menggabungkan pemimpin2 tempatan dengan pegawai2 Eropah. Namun begitu kuasa mutlak tetap kekal dalam tangan Raja. Dasar Brooke yang sedemikian dilaksanakan dengan tujuan untuk menjaga keamanan demi untuk mengekalkan kedudukan keluarga Brooke sebagai raja yang memerintah. Sarawak serta memupuk kesetiaan pemimpin2 Melayu dan bumiputera lain kepada raja. Jika layanan dan kedudukan seperti itu tidak diutamakan kedudukan keluarga Brooke tergugat oleh pembesar2 dan pengeran2 Brunai seperti Pengeran Mahkota, Sherip Masahor, Pengeran Yusof dan Rentap dahulu yang memang tidak mengingini seorang asing lebeh2 lagi orang putin menjadi ketua negara mereka.

“Setiap kali mereka menentang raja, mereka ditenteramkan dan bila mereka membuat keputusan bahawa mereka telah puas dengan pemberontakan sechara terbuka dalam beberapa kejadian sehingga lewat tahun 1920an; mereka telah membuat perjanjian dengan raja dimana mereka telah diberi jaminan bahawa mereka tidak akan diganggu sekiranya mereka membayar chukai minima sebanyak satu ringgit bagi satu pintu (keluarga) setahun. Ini mereka anggap sebagai satu jenis pemberian yang terpaksa dibayar dengan fahaman bahawa Raja tidak akan mengganggu mereka dalam kawasan mereka dan akan membiarkan mereka bersendirian untuk menjalankan hal mereka sendiri”¹²

¹¹ Brooke, A., “Perihal Sarawak yang Sabenarnya” terjemahan kepada akhbar *MAJLIS*, 7.11.1946, dan 28.12.1946, Kuala Lumpur, hal. 21.

¹² Heyward, N., *Sarawak, Brunei, North Borneo*, Doland Moore, Singapore, 1963, hal. III.

Oleh sebab itu didapati tidak ada pemberontakan perkelahian sechara besar2an terhadap Raja sebagaimana tempat lain di Asia Tenggara waktu itu.

Pemerintahan Brooke terutamanya James Brooke telah terpengaruh kuat oleh pendapat Raffles dan Revolusi Humanisma di Eropah yang menyarankan pelaksanaan imperialisma sechara tidak langsung dan dalam melancharkan dasar itu unsur humanisma itu tidak ditinggalkan. Pendapat ini telah dipraktikan oleh Brooke di Sarawak. Brooke melihat Sarawak sebagai milik anak negeri dan menentang sebarang anchaman dari orang luar yang mahu mengeksploitasikan Sarawak. Tetapi sikap Brooke ini menyebabkan tidak ada sebarang chubaan dari pihak pemerintah untuk mengenalkan perubahan kearah pembangunan masharakat bumiputera. Bumiputera tidak diyakinkan dan dikenalkan dengan idea2 baru melalui pelajaran. Jika mereka2 ini diyakinkan tentang kepentingan, pelajaran yang akan membawa kemajuan kepada masharakat mereka, mungkin sekali ada gulungan2 yang ingin menerima perubahan itu. Misalnya dikalangan pembesar2 dan pengeran Melayu Brunai pada masa Brooke tiba telah ada yang pandai menulis dan membacha dengan lancar. Mereka faham apa yang mereka bacha.¹³ James Brooke juga memerhatikan yang musuh ketatnya Pengiran Mahkota:

“His education has been more attended to than others of his own rank. He both reads and writes his own language and is well acquainted with the government, laws and customs of Borneo”¹⁴

Walaupun hamba abdi dan orang kebanyakan jahil tentang hal ini, tetapi orang2 Melayu di Kuching telah mempunyai sekolah2 yang dikelolakan oleh guru2 ugama dan imam dengan ajaran Koran dan ugama.¹¹ Sementara itu bagi kaum bumiputera lain, walaupun tidak ada rekod yang mengatakan mereka tahu membacha dan menulis zaman itu tetapi dengan pengenalan pelajaran oleh pengembang2 ugama Kristian dikalangan mereka terutamanya kepada orang2 Iban di Saribas menunjukkan mereka ada keinginan untuk belajar jika diberi peluang. Misalnya cherita bagaimana Buda, anak saorang ketua Iban, Orang Kaya Pemancha Dana, yang begitu ingin memeluk ugama Kristian kerana minatnya mahu belajar.¹⁵ Benedict Sandin, curator Muzum Sarawak berpendapat:

“The desire to become literate was the primary if not the only motive behind the Saribas conversions.”¹⁶

¹³ Notice of the city of Borneo, hal. 191, petekan dari Pringle, *Rajahs and Rebel* hal. 62.

¹⁴ James Brooke Journal entry, 19.9.1839, dalam *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*, hal. 200.

¹⁶ *Ibid.*, hal. 201.

Laporan Hammond melaporkan ada sebilangan orang2 Dayak menyatakan keinginan mereka mahukan sekolah2 bagi orang Dayak dan mereka mahu sekolah2 kerajaan bukannya sekolah mission.¹⁷

Jadi bolehlah dikatakan jika gulungan2 pemimpin ini diberi galakan dan dikenalkan pelajaran sechara betul, mungkin sekali gulungan ini akan memulai langkah mengubah masharakat kearah kemajuan setapak demi setapak. Lama kelamaan tentu perubahan dan idea2 baru akan dapat diterima oleh rakyat jelata. Kesannya serba sedikit dapat dilihat sekarang dikalangan orang2 Iban di Saribas. Ramai diantara mereka yang telah keluar sebagai orang terpelajar jika dibandingkan dengan bumiputera lain ditempat2 lain. Ini adalah disebabkan dikalangan merekalah persekolahan telah banyak didirikan oleh mission2 dan mereka ini pula mudah menerima perubahan dan idea2 baru. Ditempat2 lain penyibaratan pelajaran agak terbatas terutama sekali didaerah pedalaman. Oleh itu jika kerajaan Brooke memberi galakan dan bantuan yang wajar kepada mission2 dan kerajaan sendiri berusaha mengenalkan pelajaran kepada bumiputera terutamanya dibahagian pedalaman maka tentu sekali orang2 ini akan turut maju dan berkembang mengikut peredaran zaman dan memahami hakikat politik dan kesedaran kebangsaan.

Selain daripada soal untuk mendapatkan jaminan kesetabilan politik dan sosial, Pemerintahan Brooke pada waktu itu sibuk menjalankan tugas lain yang lebih mendatangkan faedah kepada keluarga Brooke. Lebih2 lagi pada zaman Charles Brooke memerintah. Charles lebih memberatkan soal melancharkan dasar imperialisma kewilayah2 kesultanan Brunai yang memang telah lumpuh waktu itu. Dalam hal ini Charles betul2 bersikap sebagai seorang imperialist yang agresif. Beliau menggunakan apa sahaja chara dan ikhtiar untuk menakluki wilayah2 Brunai yang ada, malah mahu menghapuskan Kesultanan Brunai dan seterusnya ke Sabah. Beliau begitu menentang wujudnya pentadbiran Kompeni Borneo Utara di Sabah.

*“The Second Rajah, was still more disposed to secure by whatever means might promise success, the incorporation into Sarawak of more Brunei territory, a policy which became almost a mania.”*¹⁸

Pada masa pemerintahan Charles banyak sekali wilayah2 Brunai diambil menjadi jajahan Sarawak. Sarawak yang hanya merupakan sebuah wilayah kecil menganjur dari Tanjung Datu di barat Sungai Samarahan disebelah timur bersempadankan Sambas dan Sangan di selatan, pada masa

¹⁷ *Ibid.*, hal. 338.

¹⁸ Kennard, A., Straits Times Book Page, *The Straits Times*, 5 Julai, 1971.

James Brooke mula mendapatnya pada tahun 1841 dahulu; maka sekarang negeri Sarawak telah dapat melingkongi negeri Brunai, negara induknya dahulu. Negeri Brunai hanya tinggal sebagai negeri kecil terletak dibahagian sungai Brunai sahaja. Sa-benarnya dalam hal ini,

“Charles tidaklah begitu berminat untuk menambah kekayaan negara, tetapi beliau lebih cenderung bagi menambah perluasan jajahan Sarawak.”¹⁹

Penaklukan tambahan awal telah dibuat oleh James pada 1853 dan 1861, mengubah sempadan Sarawak hingga ka Kendurung sejauh 180 batu garisan pantai termasuk sungai2 Rajang, Oya, Muka, Tatan dan Bintulu. Dasar perluasan itu dilancarkan dengan hibat lagi oleh Charles bermula dari Baram dan Bintulu pada 1883 kemudian ka Tanusan pada 1884 dan akhirnya kewilayah Limbang pada 1890 dan Lawas pada 1905.

Pemerintahan Brooke sebagaimana penjajah Inggeris tidak menggalakkan pelajaran kepada bumiputera. Tetapi dalam hal ini terutamanya Charles Brooke betul2 menentang pengenalan pelajaran kepada anak negeri dengan alasan pelajaran akan merosakkan sistim adat dan chara hidup anak negeri yang tradisional.

Dasar Charles telah menjadi salah satu sebab penting mengapa begitu lambat anak negeri mengenali hakikat politik dan pentadbiran sehinggakan kesedaran kebangsaan tidak wujud di Sarawak sehingga pertengahan abad keduapuluh. Anak negeri tertinggal jauh kebelakang dari orang2 mendatang seperti orang2 China dari segi ekonomi, politik dan sosial. Anak negeri ini pula hidup terpisah diantara satu sama lain tanpa persatuan dan rasa kenegaraan. Perkara ini timbul akibat dari tidak adanya dasar pelajaran yang tertentu dan sama. Tidak ada pemusatan persekolahan oleh kerajaan malah sekolah2 ini dikendalikan oleh tiga badan yang berbeza iaitu kerajaan, mission dan badan2 tempatan China dan Melayu, dengan menggunakan bahasa pengantar yang berbeza sebagaimana sistim persekolahan penjajah Inggeris di Tenggara Asia. Penggunaan satu bahasa tidak digalakkan. Bahasa Iban dan Inggeris digunakan dengan meluas pada peringkat rendah. Oleh sebab itu penggunaan Bahasa Melayu tidak tersibar luas di Sarawak dan ini menambah sulitkan penyesuaian sistim pelajaran Sarawak dengan dasar pelajaran kebangsaan apabila Sarawak bergabung dalam persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Sukatan pelajaran yang disediakan oleh pentadbir pada waktu itu tidak dapat memberi latihan dari segi pentadbiran. Persekolahan masa itu hanya dapat memberi pelajaran setakat boleh menjadi kerani rendah dan menggantikan tempat

¹⁹ Payne, R., *The White Rajahs of Sarawak*, R. Hale, London, 1960, hal. 133.

ketua masing2. Tidak ada usaha dari kerajaan untuk memberi pelajaran yang chukup, misalnya kepada orang Melayu yang bekerja dalam pentadbiran kerajaan masa itu. Pegawai2 itu hanya tahu membacha dan menulis jawi sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan:

*“Many of them (Malay officers) seem to suffer from an inferiority complex due, in great part, to psychological reasons. Their reluctance to undertake responsibility, to make decisions, their apparent lack of initiative, all these may I think be traced largely to the fact they are ignorant of the laws of country, are unable to read the regulations . . .”*²⁰

Selagi ada lindungan dan tidak adanya gangguan dari pemerintah, maka selama itulah dalam jangka waktu seratus tahun pemerintahan Brooke, bumiputera tidak perlu berikhtiar untuk mengatasi kedudukan mereka yang terbiar dan mundur itu. Orang Melayu, misalnya tinggal terus bergantung kepada pemerintah tanpa bersedia untuk menghadapi sebarang chabaran apabila Brooke tidak lagi memerintah. Mereka kebanyakan merasa hak2 mereka dichabuli apabila pemerintah Sarawak bertukar tangan dari perintah beraja balik kepada perintah Kolonial Britain. Akibatnya ramai diantara mereka yang menentang Penyerahan Kuasa dan dengan beramai2 mereka meletakkan jawatan dari bekerja dengan kerajaan kolonial. Dari itu mereka bukan sahaja tidak dapat membedakan pemerintahan Brooke sabagai salah satu bentuk penjajahan malah mereka berpechah sesama sendiri ada yang pro dan ada yang anti Cession. Bagi bumitera bukan Melayu hanya sebahagian kecil sahaja dari mereka menikmati faedah2 persekolahan yang diperkenalkan oleh badan2 ugama Kristian. Sebahagian besar maseh tinggal seperti dahulu terutama sekali dibahagian pendalaman pada akhir2 pemerintahan Brooke.

²⁰ Petikan dari *Ibid.*, hal. 339.